

06 DEC 1999

Agong-Proton

AGONG DAN PERMAISURI LIHAT KERETA PERTAMA REKABENTUK SEPENUHNYA
TEMPATAN

SHAH ALAM, 6 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah hari ini diberi penghormatan menyaksikan kereta pertama dengan rekabentuk sepenuhnya tempatan di kilang Proton di sini.

Seri Paduka Baginda berdua meluangkan masa selama setengah hari meninjau kilang pengeluaran kereta nasional itu.

Pasangan diraja itu diiringi oleh pengerusi Proton Bhd Tan Sri Mohamed Salleh Sulong dan ketua pegawai eksekutif Proton Tengku Datuk Mahaleel Tengku Ariff.

Media yang membuat liputan lawatan pelawat diraja ke kilang itu tidak dibenar masuk ke bahagian utama pengeluaran yang menempatkan produk terbaru Proton kerana menurut seorang pegawai "ia masih rahsia".

Di pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Sultan Salahuddin dan Tuanku Siti Aishah meninjau pelbagai kemudahan canggih dan teknologi terkini yang digunakan dalam rekabentuk kereta.

Pusat R&D itu yang menempatkan kemudahan berharga RM216 juta telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mei tahun ini.

Seri Paduka baginda berdua juga menyaksikan perasmian model kereta Proton Wira Wira 1.6 Millenium Edisi Khas.

Sementara itu, Saleh ketika memberi taklimat kepada tetamu diraja berkata sebanyak 1.4 juta kereta Proton untuk pasaran tempatan dan antarabangsa telah dikeluarkan sejak kereta pertama Proton dikeluarkan pada Julai 1985.

Beliau juga berkata berikutan pemulihan ekonomi negara, jualan kereta Proton mencatatkan peningkatan memberangsangkan iaitu purata 5,000 unit sebulan pada awal tahun 1998 kepada purata 9,000 sebulan pada hujung tahun lalu.

Menurut beliau, dengan adanya kelonggaran kawalan kredit untuk pembelian kenderaan, jumlah jualan telah meningkat kepada 13,000 unit pada bulan April tahun ini.

Katanya, dengan peningkatan jualan itu, penguasaan pasaran kereta Proton telah meningkat daripada 64 peratus pada penghujung tahun lepas kepada 71 peratus awal tahun ini.

Beliau juga berkata jualan kereta Proton dijangka meningkat kepada 15,000 unit bagi bulan ini.

Bagi pasaran eksport, Saleh berkata Proton telah mengeksport kira-kira 195,000 unit kereta ke sekurang-kurangnya 50 buah negara.

Eksport tertinggi ialah ke United Kingdom iaitu 118,000 unit atau 63 peratus daripada jumlah eksport.

Katanya, dua negara lain yang mengimport lebih daripada 14,000 kereta Proton ialah Singapura dan Jerman manakala Australia mengimport kira-kira 10,000 unit.

-- BERNAMA

NZ FAZ